


MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA UTHM DENGAN UNIVERSITY COLLEGE BESTARI (UCB)

24 Mac 2022 - Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UTHM dengan University College Bestari (UCB), bertempat di Dewan Jamuan, Aras 5 Perpustakaan Tunku Tun Aminah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly, Naib Canselor UTHM telah menurunkan tandatangan bagi pihak UTHM bagi memeterai MoU bersama Prof. Dr. Sulaiman Yamin, Naib Canselor University College Bestari (UCB). MoU yang ditandatangani ini merangkumi jalinan kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan berkaitan penyelidikan, pembangunan penyelidikan, APEL, pertukaran pelajar dan pembangunan modal insan, selari dengan aspirasi UTHM untuk menjadi Global Technopreneur Universiti pada tahun 2030 (GTU 2030). MoU ini juga diharap dapat membantu meningkatkan visibiliti kedua-dua universiti di platform antarabangsa. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Prof. Dr. Zahri Hamat, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UCB, Prof. Ts. Dr. Azme Khamis, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki Mustafa, Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Prof. Madya Ts. Dr. Musli bin Mohammad, Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM, pegawai-pegawai kanan universiti dan delegasi dari University College Bestari.



Watikah Pelantikan dan Taklimat Pengurusan Baharu PPBA UTHM Tahun

6


Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Latihan UTHM

9


Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Program Luar (JKPPL) Bil.1/2022

14

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL



PPBA
PUSAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN APEL
 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ppba.uthm.edu.my

ISI KANDUNGAN

- Penstrukturan Semula
- Carta Fungsi PPBA

1

- Temubual Kajian Berkaitan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)
- Life Cycle Initiative Towards Sustainable Manufacturing for Circular Economy

2

- TVET-Professional Educators Enhancement Programme (PEEP) : Skill Development In The Time of Covid-19
- Ujian Aptitud Penilaian APEL.A Bil.1

3

- Majlis Amanat Naib Canselor 2022 dan Pelancaran Buku Pelan Strategik 2021-2025 UTHM
- Taklimat Pasukan Pemasaran UTHM 2022

4

- Ujian Aptitud Penilaian APEL.A Bil. 2
- Mesyuarat Jawatankuasa Nasional Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Bil. 1 Tahun 2022

5

- Taklimat dan Promosi APEL Zon Pantai Timur
- Perbincangan Dokumen Permohonan APEL.C Bersama CAD

6

- Watikah dan Taklimat Pelantikan Pengurusan Baharu PPBA UTHM 2022

7

- Taklimat dan Promosi APEL Zon Selatan
- Mesyuarat Jawatankuasa Saringan Penilaian APEL.A Tahap 7 (Sarjana)

8

- Mesyuarat Pengurusan Pusat Pembelajaran Berterusan & APEL Bil. 1/2022
- Majlis Penghargaan untuk Mantan Pengarah APEL dan Ketua Jabatan CEC

9

- Ujian Aptitud Penilaian APEL.A Bil. 3
- Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Latihan UTHM

10

- Semakan Garis Panduan dan Dasar untuk Permohonan APEL.C UTHM
- Taklimat Program Sarjana Kejuruteraan Elektrik Ambilan Mac 2022

11

- Mesyuarat Pengurusan Peluang Kerjasama Latihan dengan Gaia Pebbles Sdn.Bhd
- Mesyuarat Bersama Pengarah Urusan Lattel Pte.Ltd

12

- Mesyuarat Jawatankuasa Saringan APEL.A (Tahap 7) dan Mesyuarat Penyelarasan Markah Penilaian APEL.A (Tahap 6)
- Ujian Aptitud Penilaian APEL.A Bil. 4

13

- Mesyuarat Pembelajaran Berterusan Bersama Pusat Pembangunan & Kecemerlangan Akademik (CAD)
- Ujian Aptitud Penilaian APEL.A Bil. 5

14

- Mesyuarat Jawatankuasa Saringan Permohonan Penilaian APEL.A Tahap 7 (Sarjana)
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Program Luar (JKPPL) Bil .1/2022

15

- Hari Terbuka APEL (Agensi Kelayakan Malaysia, MQA)

16

- Program Eksekutif Tahun 2022

17

- Kalendar Latihan UTHM Tahun 2021

18

- Pencapaian SKTU Tahun 2021

19

- Pencapaian SKTU Semasa (Januari-Mac 2022)

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Prof. Madya Ts. Dr. Musli bin Mohammad

PENASIHAT

Dr. Noor Zuraidin bin Mohd. Safar
Prof. Madya Ir. Dr. Saliza Azlina binti Osman
Dr. Muhamad Hanif bin Jofri
Ts. Ida Aryanie binti Bahrudin

PENYELARAS

Encik Mohd Azam bin Jainal

EDITOR

Puan Norhazirah binti Kemin
Puan Noraizah binti Wahab
Puan Siti Hajar binti Md. Hair (Khir)
Puan Nurul Ain bin Juhari

Reka Grafik

Puan Nurulhidayah binti Basari

Fotografi

Encik Muhammad Rashid Amran bin Zainudin

Sidang Redaksi

Encik Mohamad Firdaus bin Zaini
Puan Elli binti Jamaluddin

PENSTRUKTURAN SEMULA

KINI



Bermula 2022
Pusat Pendidikan Berterusan &
Pusat APEL UTHM
digabungkan sebagai
**Pusat Pembelajaran Berterusan
dan APEL**
*Centre for Continuous Learning
and APEL*




Dahulu dikenali sebagai
Pusat Pendidikan Berterusan
Continuing Education Centre




Dahulu dikenali sebagai
Pusat APEL UTHM

DAHULU

CARTA FUNGSI PPBA



TEMUBUAL BERSAMA MyRIVET BERKENAAN KAJIAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT



11 Januari 2022 - Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) telah dijemput oleh Malaysia Research Intitute for Vocational Education (MyRIVET) untuk ditemubual di dalam kajian berkenaan Pembelajaran

Sepanjang Hayat di Malaysia bertajuk **”Comprehensive Review of Malaysia’s Lifelong Learning Policies and Programmes”** sedang dijalankan dengan kerjasama pihak International Labour Organization (ILO). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara komprehensif berkenaan dasar dan program pembelajaran sepanjang hayat Malaysia. APEL merupakan satu instrumen didalam memacu proses pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia. APEL UTHM telah diwakili oleh Dr. Noor Zuraidin Mohd Safar dan Dr. Muhamad Hanif Jofri.

LIFE CYCLE INITIATIVE TOWARDS SUSTAINABLE MANUFACTURING FOR CIRCULAR ECONOMY

Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Prof. Dr. Erween bin Abd. Rahim dan Ts. Dr. Nur Kamilah binti Yusuf dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) di atas kejayaan terpilih melaksanakan kursus **Life Cycle Initiative Towards Sustainable Manufacturing For Clircular Economy** secara dalam talian di bawah peruntukan Program Kerjasama Teknikal Malaysia, Kementerian Luar Negeri Malaysia berjumlah RM30,000.

Tahniah

Prof. Dr. Erween bin Abd Rahim **Ts. Dr. Nur Kamilah binti Yusuf**

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
berjaya dipilih melaksanakan kursus secara dalam talian

LIFE CYCLE INITIATIVE TOWARDS SUSTAINABLE MANUFACTURING FOR CIRCULAR ECONOMY

RM 30,000

Peruntukan Program Kerjasama Teknikal Malaysia, Kementerian Luar Negeri Malaysia

Ikhlas daripada
Warga Kerja
Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL

Global Technopreneur University 2030

TVET-PROFESSIONAL EDUCATORS ENHANCEMENT PROGRAMME (PEEP) : SKILL DEVELOPMENT IN THE TIME OF COVID-19

Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Prof. Madya Ts. Dr. Mimi Mohaffyza binti Mohamad, Prof. Madya Ts. Dr. Badaruddin bin Ibrahim, Ts. Dr. D'oria Islamiah binti Rosli, Ts. Dr. Tee Tze Kiong, Ts. Dr. Yee Mei Heong, Dr. Nur Sofurah binti Mohd Faiz, Dr. Hashima binti Hamid, Dr. Mohd Zulfadli bin Rozali dan Dr. Nurul Hidayah Liew Abdullah dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) di atas kejayaan terpilih melaksanakan kursus **TVET-Professional Educators Enhancement Programme (PEEP) : Skill Development In The Time of Covid-19** secara dalam talian di bawah peruntukan Program Kerjasama Teknikal Malaysia, Kementerian Luar Negeri Malaysia berjumlah RM30,000.



Tahniah

Prof. Ts. Dr. Mimi Mohaffyza binti Mohamad, Dr. Nur Sofurah binti Mohd Faiz, Prof. Madya Ts. Dr. Badaruddin bin Ibrahim, Dr. Hashima bin Ahmad, Ts. Dr. D'oria Islamiah binti Rosli, Dr. Tee Tze Kiong, Dr. Yee Mei Heong, Dr. Mohd Zulfadli bin Rozali, Dr. Nurul Hidayah Liew Abdullah

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional berjaya dipilih melaksanakan kursus secara dalam talian **TVET-PROFESSIONAL EDUCATORS ENHANCEMENT PROGRAMME (PEEP): SKILL DEVELOPMENT IN THE TIME OF COVID-19**

RM 30,000

Peruntukan Program Kerjasama Teknikal Malaysia, Kementerian Luar Negeri Malaysia

Ikhlas daripada Warga Kerja Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL



UJIAN APTITUD PENILAIAN APEL A BIL. 1

23 Januari 2022 - Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM telah menjalankan Ujian Aptitud Bil.1 bagi penilaian APEL.A pada 23 Januari 2022, terima kasih diucapkan kepada Dr. Noor Zuraidin Mohd Safar dan Dr. Muhamad Hanif Jofri dan Pn. Siti Hajar Binti Md. Hair (Khir) sebagai Test Invigilator.




UTHM, MQA

Ujian Aptitud Penilaian APELA

Tahap 7 (T7) - Sarjana
 Tahap 6 (T6) - Sarjana Muda
 Tahap 4 (T4) - Diploma
 Tahap 3 (T3) - Sijil

MAJLIS AMANAT NAIB CANSOLOR 2022 DAN PELANCARAN BUKU PELAN STRATEGIK 2021-2025 UTHM


26 Januari 2022 - Majlis Amanat Naib Canselor 2022 dan pelancaran Buku Pelan Strategik 2021-2025 UTHM dengan tema memperkukuh nilai memperhebat bakat telah diadakan pada 26 Januari 2022 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim (DSI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Majlis yang dikendalikan oleh Pejabat Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko ini dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan universiti secara langsung manakala semua staf UTHM termasuk semua staf Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) hadir secara dalam talian melalui siaran langsung di saluran youtube rasmi UTHM. Majlis Pelancaran Buku Pelan Strategik 2021-2025 pula diadakan sejeurus berakhirnya Majlis Amanat NC 2022. Majlis pelancaran tersebut telah dirasmikan oleh Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad; Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UTHM.



TAKLIMAT PASUKAN PEMASARAN UTHM 2022



30 Januari 2022 - Taklimat Pasukan Pemasaran UTHM 2022 anjuran Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat UTHM telah dilaksanakan pada 30 Januari 2022 (Ahad) secara dalam talian. Sesi taklimat ini turut dihadiri oleh pasukan pemasaran bagi semua pusat tanggungjawab yang terlibat termasuklah Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) yang diwakili Puan Nurulhidayah Basari. Taklimat ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan program Jom Masuk IPT 2022 dan Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi 2022. Pemasaran bagi kedua-dua program ini akan bermula pada bulan februari. Program Pemasaran bagi pelaksanaan program Jom Masuk IPT 2022 akan dilaksanakan dua (2) fasa iaitu fasa pertama; Februari dan fasa kedua; Jun. Tindakan susulan berkaitan aktiviti pemasaran ini akan dilaksanakan oleh pasukan pemasaran UTHM yang dilantik dan perkembangan terkini mengenainya akan dikemaskini dari semasa ke semasa.



UJIAN APTITUD PENILAIAN APEL.A BIL.2

6 Februari 2022 - Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM telah menjalankan Ujian Aptitud Bil. 2 bagi penilaian APEL.A pada 6 Februari 2022, terima kasih diucapkan kepada Dr. Noor Zuraidin bin Mohd Safar dan Dr. Muhamad Hanif bin Jofri dan Pn. Siti Hajar binti Md. Hair (Khair) sebagai Test Invigilator.



MESYUARAT JAWATANKUASA NASIONAL PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) BIL. 1 TAHUN 2022

7 Februari 2022 - Mesyuarat Jawatankuasa Nasional Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Bil.1 tahun 2022 telah diadakan secara hibrid – fizikal dan maya (Microsoft Teams) pada 7 Februari 2022 (Isnin) pukul 9:30 pagi. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad; Menteri Pengajian Tinggi, Malaysia. Turut hadir dalam mesyuarat ini secara maya adalah YBhg. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly; Naib Canselor UTHM, YBrs. Prof. Dr. Azme bin Khamis; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL; Prof. Madya Ts. Dr. Musli bin Mohammad. Mesyuarat jawatankuasa nasional PSH ini bertujuan membentangkan laporan pembudayaan program PSH di Malaysia. Laporan ini telah disampaikan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi (BPPD, KPT) iaitu selaku sekretariat nasional PSH. Selain pembentangan laporan, pembentangan kertas pertimbangan PSH berkaitan cadangan pemantapan struktur tadbir urus PSH oleh sekretariat Nasional PSH dan Pembentangan Kertas Pemakluman PSH iaitu Pertama; Pelaksanaan Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kelayakan Akademik (APEL-Q) oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), kedua; Pelaksanaan Garis Panduan Amalan Baik: Micro-Credential oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), ketiga; Pencapaian dan Way Forward Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), keempat; Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang



Hayat Melalui Sistem ODL dan APEL di Open University Malaysia (OUM) dan kelima; Amalan Terbaik dalam Pembangunan PSH: Kurus Dalam Talian oleh International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF). Menerusi laporan ringkas pencapaian pelan induk pembudayaan PSH peringkat nasional, 2011-2020 pula antara strategi yang perlu diambil perhatian adalah memastikan kesinambungan dan pengiktirafan program PSH berjalan seiring serta menyediakan sokongan dari aspek kewangan untuk pelaksanaan program PSH.

TAKLIMAT DAN PROMOSI APEL ZON PANTAI TIMUR



8 - 10 Februari 2022 - Jelajah promosi APEL Pasca Siswazah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) di Pantai Timur yang telah disampaikan oleh Ketua Jabatan Siswazah iaitu Dr. Reazzul Haq dan disokong oleh Dekan FKMP PM Ir. Dr. Bukhari. Jelajah bermula pada 8 Februari 2022 di Politeknik Dungun, seterusnya di Politeknik Kuala Terengganu pada 9 Februari 2022 dan pada 10 Februari 2022 di Politeknik Ibrahim Sultan.

PERBINCANGAN DOKUMEN PERMOHONAN APEL.C BERSAMA CAD

9 Februari 2022 - Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL telah mengadakan perbincangan bersama Timbalan Pengarah dan Penolong Pendaftar Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademi (CAD) berkaitan dengan permohonan APEL.C sebelum dihantar ke MQA. Perbincangan ini telah diadakan di bilik Mesyuarat Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik.



WATIKAH PELANTIKAN DAN TAKLIMAT PENGURUSAN BAHARU PPBA UTHM 2022



15 Februari 2022 - Sesi penyerahan watikah pelantikan serta taklimat kepada pengurusan baharu Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah disampaikan oleh pengarah PPBA bertempat di ruang legar pejabat aras bawah blok B3 UTHM pada 15 Februari 2022. Pelantikan berkuatkuasa mulai 1 Februari 2022. Tahniah diucapkan kepada Timbalan Pengarah PPBA; Dr. Noor Zuraidin bin Mohd. Safar, Ketua Jabatan Pembelajaran Berterusan dan Kerjasama; Prof. Madya Ir. Dr. Saliza Azlina binti Osman, Ketua Jabatan APELA; Ts. Ida Aryanie binti Bahrudin dan Dr. Muhamad Hanif bin Jofri; Ketua Jabatan APEL.C.

Tahniah
Dr. Noor Zuraidin bin Mohd Safar
 di atas pelantikan sebagai
Timbalan Pengarah
 Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL
 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

berkuatkuasa mulai 1 Februari 2022 - 31 Januari 2024

Ikhlas Daripada:
 Warga Kerja
 Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL

Global Technopreneur
 University 2030

Tahniah
Dr. Muhamad Hanif bin Jofri
 di atas pelantikan sebagai
Ketua Jabatan APEL C
 Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL
 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

berkuatkuasa mulai 1 Februari 2022 - 31 Januari 2024

Ikhlas Daripada:
 Warga Kerja
 Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL

Global Technopreneur
 University 2030

Tahniah
Ts. Ida Aryanie binti Bahrudin
 di atas pelantikan sebagai
Ketua Jabatan APELA
 Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL
 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

berkuatkuasa mulai 1 Februari 2022 - 31 Januari 2024

Ikhlas Daripada:
 Warga Kerja
 Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL

Global Technopreneur
 University 2030

Tahniah
Prof. Madya Ir. Dr. Saliza Azlina binti Osman
 di atas pelantikan sebagai
Ketua Jabatan Pembelajaran Berterusan & Kerjasama
 Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL
 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

berkuatkuasa mulai 1 Februari 2022 - 31 Januari 2024

Ikhlas Daripada:
 Warga Kerja
 Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL

Global Technopreneur
 University 2030

TAKLIMAT DAN PROMOSI APEL ZON SELATAN





16 Februari 2022 - Promosi APEL Pasca Siswazah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKMP) UTHM di Politeknik Ibrahim Sultan (PSI). Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Jabatan siswazah Ts. Dr. Reazul Haq bin Abdul Haq dan disokong oleh Dekan FKMP Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Bukhari bin Manshoor.

MESYUARAT JAWATANKUASA SARINGAN PENILAIAN APEL.A TAHAP 7 (SARJANA)



17 Februari 2022 - Mesyuarat Jawatankuasa Saringan bagi Permohonan Penilaian APEL.A Tahap 7 (Sarjana) telah diadakan di Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM bertarikh 17 Februari 2022 (Khamis) pada jam 2:30 petang.

MESYUARAT PENGURUSAN PUSAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN & APEL BIL. 1/2022



17 Februari 2022 - YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Musli Bin Mohammad Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM telah mempengerusikan mesyuarat PPBA Bil. 1/2022 pada 20 Februari 2022 secara dalam talian. Mesyuarat ini dihadiri oleh warga kerja PPBA bermula pukul 2.30 petang. Agenda utama mesyuarat ini adalah bertujuan untuk mengemaskini perancangan aktiviti-aktiviti PPBA UTHM. Selain membincangkan perkara berbangkit, mesyuarat ini juga menyalurkan informasi berkaitan laporan aktiviti penjanaan pendapatan, status perkembangan setiap jabatan/unit dan pembentangan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) PPBA bagi tahun 2022.


MAJLIS PENGHARGAAN UNTUK MANTAN PENGARAH APEL DAN KETUA JABATAN CEC





21 Februari 2022 - Majlis dan ucapan ringkas serta pemberian cenderahati kepada mantan Pengarah APEL; Prof. Madya Ts. Dr. Saifullizam bin Puteh dan juga Ketua Jabatan Pusat Pendidikan Berterusan (CEC); Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Hisyam bin Mohd Hashim bagi menghargai jasa dan bakti yang telah disalurkan semasa berkhidmat.

UJIAN APTITUD PENILAIAN APEL.A BIL.3

27 Februari 2022 - Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) telah menjalankan Ujian Aptitud Bil.3 bagi penilaian APEL.A pada 6 Februari 2022, terima kasih diucapkan kepada Dr. Noor Zuraidin bin Mohd Safar dan Dr. Muhamad Hanif bin Jofri, Ts. Ida Aryanie binti Bahrudin dan Pn. Siti Hajar binti Md. Hair (Khir) melaksanakan ujian dan pemantauan.





MESYUARAT PENYELARASAN PELAKSANAAN LATIHAN UTHM



2 Mac 2022 - Mesyuarat Pelarasan Pelaksanaan Kursus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berlangsung secara dalam talian (*Google Meet*) pada 2 Mac 2022 (Rabu) jam 2.30 petang. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA), Prof. Madya Ts. Dr. Musli bin Mohammad. Antara agenda utama yang dibincangkan adalah berkaitan penerangan mengenai program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), pelaksanaan latihan berbayar, pembangunan garis panduan pelaksanaan kursus UTHM serta kursus Micro-Credential. Selain itu turut dibincangkan adalah berkaitan pengurusan sijil oleh pihak PPBA. Antara yang terlibat dalam mesyuarat ini adalah Dekan Pusat Pengajian Bahasa, Pengarah Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik, Pengarah Teaching Factory, Pengarah Pusat Pembelajaran Maya, Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC), Pengarah Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISWAJ), Pengarah Pusat Kepimpinan dan Kompetensi, dan Pengarah Urusan UTHM Education and Training Sdn. Bhd.



SEMAKAN GARIS PANDUAN DAN DASAR UNTUK PERMOHONAN APEL.C UTHM



3 Mac 2022 - Semakan Garis Panduan & Dasar Untuk Permohonan APEL.C UTHM telah dilaksanakan pada 3 Mac 2022 secara dalam talian telah disertai oleh Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan APEL.C, Ketua Jabatan APEL.A Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) serta pihak Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik (CAD). APEL.C merupakan salah satu medium penilaian bagi memenuhi aspirasi pembelajaran sepanjang hayat. Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit (APEL.C) adalah proses penilaian pembelajaran (tidak formal dan bukan formal) seseorang individu berdasarkan pengalaman terkumpul (pengetahuan dan kemahiran) untuk mendapatkan pindah kredit bagi kursus dalam program yang sedang diikuti. Penekanan harus diberi kepada konsep utama APEL.C iaitu penilaian ke atas kebolehan individu tersebut untuk menggunakan pembelajaran yang dicapai melalui pengalamannya dalam mencapai hasil pembelajaran sesuatu kursus.

TAKLIMAT PROGRAM SARJANA KEJURUTERAAN ELEKTRIK AMBILAN MAC 2022

6 Mac 2022 - Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) telah mengadakan taklimat bersama bakal pelajar Program Sarjana Kejuruteraan Elektrik (MEE) bagi kemasukan Mac 2022. Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh penyelaras Program MEE, Prof. Madya Dr. Shamsul Aizam bin Zulkifli bersama staf PPBA.



MESYUARAT PENGURUSAN PELUANG KERJASAMA LATIHAN DENGAN GAIA PEBBLES SDN.BHD



GAIA PEBBLES



6 Mac 2022 - Mesyuarat berkaitan pengurusan peluang kerjasama latihan antara Ketua Jabatan Pembelajaran Berterusan dan Kerjasama, Prof. Madya Ir. Dr. Saliza Azlina binti Osman bersama Pengarah PPBA, Prof. Madya Ts. Dr. Musli bin Mohammad dan Penolong Pendaftar PPBA, En. Mohd Azam bin Jainal bertempat di bilik pengarah ruang kerja aras bawah B3 Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL.

MESYUARAT BERSAMA PENGARAH URUSAN LATTEL PTE.LTD



7 Mac 2022 - Mesyuarat dan pembentangan bersama Pengarah Urusan bagi membincangkan mengenai peluang kerjasama industri secara atas talian (Microsoft Team).

MESYUARAT JAWATANKUASA SARINGAN APEL.A TAHAP 7 DAN MEYUARAT PENYELARASAN MARKAH PENILAIAN




8 Mac 2022 - Mesyuarat jawatankuasa saringan APEL.A Tahap 7 dan mesyuarat penyelarasan markah penilaian APEL.A Tahap 6 telah diadakan pada 8 Mac 2022 secara dalam talian yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL; Dr. Noor Zuraidin bin Mohd Safar.

UJIAN APTITUD PENILAIAN APEL.A BIL.4



13 Mac 2022 - Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM mengucapkan selamat menduduki Ujian Aptitud APEL.A Bil. 4 2022 kepada calon-calon APEL.A T3,T4,T6 dan T7. APEL khususnya APEL.A ialah kaedah untuk menilai pembelajaran terdahulu untuk kelayakan kemasukan ke program akademik. Contohnya menggunakan sijil APEL.A untuk memohon ijazah sarjana muda (T6) tanpa sijil SPM atau memohon ijazah/master (T7) tanpa kelayakan ijazah sarjana muda.

MESYUARAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN BERSAMA PUSAT PEMBANGUNAN & KECEMERLANGAN AKADEMIK (CAD)




15 Mac 2022 - Jabatan Pembelajaran Berterusan dan Kerjasama telah mengadakan mesyuarat secara atas talian bersama Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan & Akreditasi Akademik yang dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL bagi Mesyuarat penyelarasan terminologi garis panduan latihan UTHM.

UJIAN APTITUD PENILAIAN APEL.A BIL.5

20 Mac 2022 - Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) UTHM mengucapkan selamat menduduki Ujian Aptitud APEL.A Bil. 5 2022 kepada calon-calon APEL.A T3,T4,T6 dan T7. APEL khususnya APEL.A ialah kaedah untuk menilai pembelajaran terdahulu untuk kelayakan kemasukan ke program akademik. Contohnya menggunakan sijil APEL.A untuk memohon ijazah sarjana muda (T6) tanpa sijil SPM atau memohon ijazah/master (T7) tanpa kelayakan ijazah sarjana muda.


MESYUARAT JAWATANKUASA SARINGAN PERMOHONAN PENILAIAN APEL.A TAHAP 7 (SARJANA)



20 Mac 2022 - Mesyuarat Jawatankuasa Saringan bagi Permohonan Penilaian APEL.A Tahap 7 (Sarjana) telah diadakan secara dalam talian bertarikh 20 Mac 2022 (Ahad) pada jam 2:30 petang yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGAJIAN PROGRAM LUAR (JKPPL) BIL .1/2022

29 Mac 2022 - Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) selaku urusetia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Program Luar (JKPPL) telah melaksanakan mesyuarat pada 29 Mac 2022 secara dalam talian. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Azme bin Khamis. Agenda mesyuarat JKPPL merangkumi pembentangan kertas kerja bagi cadangan pelaksanaan program baharu, pengesahan markah penilaian pelajar bagi Program Eksekutif, pengesahan anugerah bagi bakal graduan program eksekutif dan lain-lain hal berkaitan bagi pendapatan menerusi pelaksanaan program pembelajaran berterusan yang telah dilaksanakan dan aktiviti yang akan dijalankan.



HARI TERBUKA APEL AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

Hari Terbuka APEL
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA

AKTIVITI:

- Kata-kata Aluan**
Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar bin Sabran
Ketua Pegawai Eksekutif MQA
- Sesi Perkongsian APEL A**
Dr. Aminul Fadz Osman (Penceramah)
- Sesi Perkongsian APEL C**
Dr. Hamidah Mohd Ismail (Penceramah)
- Sesi Perkongsian APEL Q**
Dr. Mohamad Alzhan Khan Mohamad Khalil (Penceramah)
- Slot Inspirasi Bersama Ikon/Graduan/Calon APEL**
- Sesi Konsultasi /Klinik APEL.A, APEL.C dan APEL.Q**

31 MAC 2022 (KHAMIS)
9:00 PAGI - 1:30 TENGAH HARI
SECARA DALAM TALIAN (ZOOM WEBINAR)

Sebarang pertanyaan berkaitan pendaftaran sila hubungi:

APEL.A	APEL.C	APEL.Q
Puan Zarina binti Abang	Puan Nur Mazura Md Arman Iqbal Arman	Puan Nori Khatizah binti Mohd Anip
03-8998 2312 / zarina@mqa.gov.my	03-8658 2653 / mazura@mqa.gov.my	03-8988 3737 / nori@mqa.gov.my
Enaik Muhammad Alimin Farhan bin Mezar	Puan Nur Baraa binti Ramli	Puan Sa'adiah binti Kabaullah
03-2656 4829 / aminfarhan@mqa.gov.my	03-8658 2702 / nurbaraa@mqa.gov.my	03-8658 3673 / saadiah@mqa.gov.my
Rose Farouk Iqbal Maaret		
03-8988 1946 / rosefarouk@mqa.gov.my		

Official: Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) | MQA Malaysia | #MQA_Malaysia | @MQA_Malaysia

HARI TERBUKA APEL 2022


Secara dalam talian
meet.google.com/gqz-hxfj-syq

IMBAS QR KOD

Sesi Konsultasi/ Klinik APEL.A
bersama
Pusat Penilaian APEL, UTHM

Khamis, 31 Mac 2022
12.20 Tengah hari

ppba.uthm.edu.my | PUSAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN APEL



Bengkel APEL.A UTHM

- Kata-kata aluan Pengarah PPBA UTHM
 - Prof. Madya Ts. Dr. Musli Mohammad
- Bengkel APEL.A UTHM
 - Dr. Noor Zuraidin Mohd Safar
 - Dr. Muhamad Hanif Jofri
 - Ts. Ida Aryanie Bahrudin

PPBA PUSAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN APEL

Apa itu APEL?

Accreditation of Prior Experiential Learning, APEL

Akreditasi Pengalaman Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu

Definisi
Satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu

Akta Agensi Kelayakan Malaysia (Akta 679)
Pembelajaran terdahulu bermaksud ilmu pengetahuan, kemahiran atau sikap yang diperolehi sebelumnya dan mencakupi pengalaman terdahulu

Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)
proses verifikasi pencapaian seseorang individu bagi satu set hasil pembelajaran yang diperolehi melalui pembelajaran formal, bukan formal dan tidak formal tanpa mengambil kira masa dan tempat.

APEL terbahagi kepada TIGA
APEL bagi tujuan akses (APEL.A) dan APEL bagi tujuan pengurangan kredit (APEL.C), APEL.Q (akan ditancarkan oleh MQA - 2021)

31 Mac 2022 - Malaysian Qualifications Agency (MQA) telah menganjurkan Hari terbuka APEL kepada calon – calon yang berminat untuk memohon APEL. Selaku Pusat Penilaian APEL (APEL A) telah mengadakan sesi Klinik APEL/Sesi konsultasi APEL A secara atas talian bermula 12.20 tengah hari hingga 1.30 petang. Tujuan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan mengenai APEL A kepada calon yang berminat.

PROGRAM EKSEKUTIF 2022

PERMOHONAN SECARA DALAM TALIAN

Untuk Maklumat Lanjut :

📞 **010-835 7853**

🌐 **ppba.uthm.edu.my**

✉️ **ppba@uthm.edu.my**

**Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400, Parit Raja, Batu Pahat,
Johor Darul Ta'zim**

Program Eksekutif TM IMAM PROFESIONAL

Program Eksekutif Imam Profesional memberi peluang kepada masyarakat untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran bagi tugas seorang imam, pengurusan masjid dan komuniti melalui proses pembelajaran sepanjang hayat secara sistematik dan juga sebagai imam yg unggul dalam membimbing masyarakat.

Tidak diakredit oleh MQA

1 TAHUN

**Kelas hujung minggu
(Sabtu & Ahad)**

Memiliki SPM/
Darjah Khas/
sijil-sijil agama
yang diiktiraf

Mempunyai
pengalaman bekerja
dalam bidang
berkaitan

Berumur
21 tahun
ke atas

Lulus sesi
temubual

Modular 1 |
Penghayatan Tauhidik

Modular 3 |
Pengurusan Masjid dan Komuniti

Modular 2 |
Ilmu Wahyu

Modular 4 |
Projek Diploma

RM 5,500

* Sijil Kemahiran Agama (SKA) akan diberikan kepada pelajar yang memenuhi syarat

Keterangan lanjut:

Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA)
07-4537017/7954/010-9797853 | ppba@uthm.edu.my
Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISWAJ)
07-4533450 | sunnah@uthm.edu.my

PERMOHONAN:
http://bit.ly/PEDP_Form



EXECUTIVE PROGRAMME IN PROFESSIONAL PILOTING

* Not accredited by MQA



MODE OF STUDY
Course Work

MODE OF DELIVERY
Full Time

DURATION OF STUDY
18 months

OBJECTIVES

This programme produces students with aviation knowledge as a professional pilot or flight caption and committed to self learning while continually develop professionalism.

BENEFITS

This programme able to improve student's professionalism for getting a better job in the future and also as an added value in terms of aviation knowledge through the process of centralized learning and problem solving.

ADMISSION REQUIREMENTS

At least grade C in English, mathematics and one in any Science subjects
AND
At least two(2) subjects with grade C in any other SPM Subjects or equivalent
AND
Age at least 18 years old and above during application
AND
Experience in the related field

Have a health certificate (Class I) from a Health Center recognized by the Malaysian Civil Aviation Authority
AND
Has a height of at least 158 cm
AND
Has physical fit, perfect vision and visual acuity at least 6/60 without optical assistance, can be adjusted to 6/6 and not color blind
AND
Candidates are not disabled members (blind/deaf /paralyzed /mute) which makes practical work difficult

For any enquiries



AATA OFFICE
No 17-01, Jalan Terminal 1,
81400 Senai, Johor.

Tel: 07-595 5012 E-mail: sales@aata.edu.my

www.aata.edu.my

[asiaaeronautical](https://www.facebook.com/asiaaeronautical)

[AATA - Asia Aeronautical Training Academy](https://www.youtube.com/channel/UC...)

APPLY NOW

<https://bit.ly/DEPPUTHM>



KALENDAR LATIHAN

2022

APRIL - DISEMBER 2022

**PERMOHONAN
SECARA
DALAM TALIAN**

Untuk Maklumat Lanjut :

📞 010-835 7853

🌐 ppba.uthm.edu.my

✉️ ppba@uthm.edu.my

**Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400, Parit Raja, Batu Pahat,
Johor Darul Ta'zim**

BIL	NAMA KURSUS	LOKASI	YURAN
APRIL			
PEMASARAN			
1.	Kursus E-Pemasaran Borong China Online	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	99.90
TEKNOLOGI MAKLUMAT			
1.	Microsoft Certified: Azure AI Fundamentals	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	500.00
MEI			
PEMASARAN			
1.	Kursus E-Pemasaran Instagram	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	99.90
PENGENDALI JENTERA			
1.	Boiler Courses	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	4500.00
2.	Steam Engineer Courses	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	1750.00
JAMINAN KUALITI			
1.	Energy Audit on Building	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	2500.00
2.	Energy Audit on Mechanical System	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	2500.00
JUN			
KEJURUTERAAN			
1.	Kursus Railway Construction (Sesi 3)	Johor Centre For Construction Development	200.00
PEMASARAN			
1.	Kursus E-Pemasaran Tiktok	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	99.90
BAHASA			
1.	Kursus Bahasa Korea (Sesi 2)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	60.00
2.	Kursus Bahasa Cina (Sesi 1)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	50.00
PENGENDALI JENTERA			
1.	Boiler Courses (Sesi 2)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	1980.00
2.	Steam Engineer Courses (Sesi 1)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	2800.00
3.	Kursus Drone Basic (Sesi 2)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	1500.00
4.	Kursus Atomic Force Microscopy (AFM) (Sesi 4)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	600.00
TEKNOLOGI PEMBUATAN			
1.	Drone Development Course (Sesi 2)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	2500.00
PENGURUSAN TENAGA			
1.	Certified Energy Manager Training Course (Sesi 2)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	4000.00
GEOMETRI & PENGUKURAN			
1.	Measurement & Verification	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	2500.00
PENGURUSAN HALAL			
1.	Kursus Asas Pensijilan Halal (Sesi 1)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	120.00
JULAI			
BAHASA			
1.	Kursus Bahasa Cina (Sesi 2)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	50.00
PEMASARAN			
1.	Kursus E-Pemasaran Shopee	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	99.90
KEJURUTERAAN			
1.	Kursus Railway Construction (Sesi 4)	Johor Centre For Construction Development	200.00
JAMINAN KUALITI			
1.	ISO 50001:2018 Internal Auditing	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	850.00
PENGURUSAN HALAL			
1.	Kursus Halal TTT Trainer	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	2900.00
OGOS			
BAHASA			
1.	Kursus Bahasa Korea (Sesi 3)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	60.00
PENGENDALI JENTERA			
1.	Boiler Courses (Sesi 3)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	1980.00
PENGURUSAN			
1.	Kursus Bekerja Berpasukan (Sesi 2)	Johor Bahru	600.00
KEJURUTERAAN			
1.	Kursus Railway Construction (Sesi 5)	Johor Centre For Construction Development	200.00
JAMINAN KUALITI			
1.	ISO 50001:2018 Introduction to Energy Management System	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	850.00
PENGURUSAN TENAGA			
1.	Certified Energy Manager Training Course (Sesi 3)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	4000.00
PENGURUSAN HALAL			
1.	Kursus Asas Pensijilan Halal (Sesi 2)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	120.00
SEPTEMBER			
KEJURUTERAAN			
1.	Kursus Railway Construction (Sesi 6)	Johor Centre For Construction Development	200.00
TEKNOLOGI MAKLUMAT			
1.	Microsoft Office Specialist - Excel Associate	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	500.00
PENGENDALI JENTERA			
1.	Bridging Gaps Advance	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	8000.00
2.	Kursus Drone Basic (Sesi 3)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	1500.00
3.	Boiler Courses	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	4500.00
4.	Steam Engineer Courses	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	1750.00
JAMINAN KUALITI			
1.	Certified Building Auditor	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	4500.00
TEKNOLOGI PEMBUATAN			
1.	Drone Development Course (Sesi 3)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	2500.00
OKTOBER			
KEJURUTERAAN			
1.	Kursus Railway Construction (Sesi 1)	Johor Centre For Construction Development	200.00
BAHASA			
1.	Kursus Bahasa Korea (Sesi 4)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	60.00
PENGENDALI JENTERA			
1.	Steam Engineer Courses (Sesi 2)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	2800.00
PENGURUSAN HALAL			
1.	Kursus Asas Pensijilan Halal (Sesi 3)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	120.00
NOVEMBER			
KEJURUTERAAN			
1.	Kursus Railway Construction (Sesi 2)	Johor Centre For Construction Development	200.00
PENGENDALI JENTERA			
1.	Boiler Courses (Sesi 4)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	1980.00
PENGURUSAN TENAGA			
1.	Certified Energy Manager Training Course (Sesi 4)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	4000.00
DISEMBER			
KEJURUTERAAN			
1.	Kursus Railway Construction (Sesi 3)	Johor Centre For Construction Development	200.00
PENGURUSAN HALAL			
1.	Kursus Asas Pensijilan Halal (Sesi 4)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor	120.00

Setinggi-tinggi

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

kepada semua

**Fakulti dan Pusat Tanggungjawab
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

di atas sumbangan bagi menjayakan pelaksanaan

**Program
Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)**

Pencapaian SKTU Tahun 2021

BILANGAN
PROGRAM PSH:

350

BERBAYAR: **54**

PERCUMA: **294**

JUMLAH
PENDAPATAN KASAR:

RM 6,369,729.14

BILANGAN
PELAJAR PSH:

24,694

BERBAYAR: **2,089**

PERCUMA: **22,605**

BILANGAN CALON
YANG MELALUI PENILAIAN
APEL UTHM :

54

Ikhlas Daripada:

**Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

Setinggi-tinggi

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

kepada semua

**Fakulti dan Pusat Tanggungjawab
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

di atas sumbangan bagi menjayakan pelaksanaan

**Program
Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)**

PENCAPAIAN SKTU SEMASA (JANUARI-MAC 2022)

**BILANGAN
PROGRAM PSH:**

52

BERBAYAR: 18

PERCUMA: 34

**BILANGAN PELAJAR
PROGRAM PSH**

3,126

BERBAYAR: 412

PERCUMA: 2,714

**BILANGAN CALON
MELALUI PENILAIAN
APEL UTHM :**

26

Ikhlas Daripada:

**Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**



**PUSAT PEMBELAJARAN
BERTERUSAN DAN APEL**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400, Parit Raja, Batu Pahat,
Johor Darul Ta'zim**